



# **JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

## **PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG JURUTERA 2015**

### **MEKANIKAL**

KOD	:	PJM02
SUBJEK	:	PENGURUSAN WOKSYOP
TARIKH	:	21 APRIL 2015
MASA	:	2.00 PTG - 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

**PERKARA : PJM02 – PENGURUSAN WOKSYOP**

**ARAHAN KEPADA CALON**

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

**SOALAN 1**

- a) Senaraikan **tiga (3)** prinsip utama Pengurusan Perolehan Kerajaan.  
*(3 markah)*
- b) Nyatakan secara ringkas peranan **tiga (3)** jawatankuasa bagi melaksanakan perolehan bekalan atau perkhidmatan secara sebutharga dan tender menerusi sistem e-Perolehan berikut:
- i) Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal
  - ii) Jawatankuasa Penilaian Teknikal
  - iii) Jawatankuasa Penilaian Kewangan
- (9 markah)*
- c) Senaraikan **empat (4)** perkara asas yang dinilai dalam penyediaan penilaian sebutharga.  
*(8 markah)*

**SOALAN 2**

- a) Nyatakan **dua (2)** Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) yang perlu digunakan semasa melakukan kerja-kerja berikut dan fungsi/kepentingannya.
- i) Kerja-kerja mengimpal (*welding*)
  - ii) Kerja-kerja memotong besi
- (12 markah)*

**SOALAN 2 (sambungan)**

- b) Senaraikan **empat (4)** tanda amaran/larangan/keselamatan utama yang kebiasaannya terdapat di dalam sesebuah bengkel.

(8 markah)

**SOALAN 3**

- a) Prestasi kebolehsediaan didefinisikan sebagai pengukur prestasi peralatan dalam konteks kebolehan untuk beroperasi tanpa masalah dan keadaan spesifik luarannya. Berikan **dua (2)** huraian/penjelasan bagi setiap prestasi kebolehsediaan berikut:

- i) Prestasi Kebolehpercayaan (*reliability performance*)
- ii) Prestasi Sokongan Penyenggaraan (*Maintenance Support Performance*)
- iii) Prestasi Kebolehsenggaraan (*Maintainability Performance*)

(12 markah)

- b) Senaraikan **empat (4)** faktor yang memberi kesan kepada prestasi kebolehsediaan sesuatu kenderaan.

(8 markah)

**SOALAN 4**

- a) Berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan) Bab E – Pelupusan, terdapat beberapa kaedah pelupusan aset alih Kerajaan. Senaraikan **lapan (8)** kaedah pelupusan yang boleh disarankan.

(8 markah)

- b) Nyatakan **empat (4)** tindakan yang perlu dilakukan semasa melaksanakan pelupusan iaitu sebelum aset alih tersebut diserahkan kepada pembida yang berjaya.

(8 markah)

**SOALAN 4 (sambungan)**

- c) Nyatakan **dua (2)** objektif pelupusan aset Kerajaan.  
*(4 markah)*

**SOALAN 5**

- a) Fungsi stor ialah memberi perkhidmatan bekalan kepada pelanggan. Senaraikan **enam (6)** aktiviti utama Unit Stor.  
*(12 markah)*
- b) Nyatakan **empat (4)** faedah yang diperolehi melalui pengurusan kawalan stok yang cekap dan berkesan.  
*(8 markah)*

**SOALAN 6**

- a) Nyatakan **lima (5)** kebaikan/faedah yang diperolehi daripada susunatur bengkel kerja yang baik.  
*(10 markah)*
- b) Amalan kerja yang baik akan dapat mengelakkan berlakunya kemalangan serta kecederaan. Senaraikan **lima (5)** amalan kerja baik yang boleh diamalkan di bengkel.  
*(10 markah)*

**SOALAN 7**

- a) Nyatakan **empat (4)** konsep penyelenggaraan yang seringkali dilaksanakan dan terangkan secara ringkas maksudnya.  
*(12 markah)*

**SOALAN 7 (sambungan)**

- b) Nyatakan **empat (4)** kepentingan/faedah yang diperolehi daripada kerja-kerja pembersihan dan pencucian kenderaan.

(8 markah)

**SOALAN 8**

- a) Jelaskan secara ringkas jenis Pemeriksaan dan Pengujian Kenderaan Secara Berkomputer (*VTL*) berikut:

- i) Ujian meter halaju (*Speedometer test*)
- ii) Ujian suspensi (*Suspension test*)
- iii) Ujian brek (*Braking test*)
- iv) Pemeriksaan bawah kenderaan (*Under carriage inspection*)
- v) Ujian pelepasan asap untuk enjin diesel (*Smoke test for diesel engine*)

(10 markah)

- b) Terangkan secara ringkas tujuan setiap jenis pemeriksaan dan penilaian berikut:

- i) Pemeriksaan Kenderaan Baru
- ii) Penilaian Kenderaan Terpakai
- iii) Pemeriksaan dan penilaian kenderaan untuk sijil PEP
- iv) Penilaian Lucut Hak
- v) Pemeriksaan dan penilaian kerosakan kenderaan akibat kemalangan

(10 markah)

SOALAN 9

- a) Berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013, nyatakan **enam (6)** tugas dan tanggungjawab seorang Pegawai Kenderaan di sesebuah Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan.

(12 markah)

- b) Nyatakan **Iapan (8)** tugas yang perlu dilakukan oleh seorang pemandu sebelum menghidupkan kenderaan pada setiap hari.

(8 markah)

SOALAN 10

- a) Senaraikan **empat (4)** jenis agen Alat Pemadam Api mudah alih (*Portable Fire Extinguisher*) dan nyatakan kegunaan setiap satunya.

(12 markah)

- b) Bahan api adalah merupakan sejenis bahan kimia yang mudah terbakar dan perlu dikendalikan dengan kaedah yang betul. Nyatakan **Iapan (8)** cara/kaedah yang selamat semasa mengendalikan bahan api daripada segi penggunaan dan penyimpanannya.

(8 markah)

\*\*\*\*\*